



Struktur bangunan Idaman Cahaya 2 selesai

MGB siap lebih 12,000 unit rumah guna panel konkrit pratuang IBS

Selangor : Syarikat pembangunan harta tanah, MGB Berhad (MGB) yang juga subsidiari LBS Bina Group Berhad, telah mengadakan majlis roof topping bagi projek Idaman Cahaya 2 di tapak projek di U12 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan hari ini. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Eksekutif Kumpulan MGB, Tan Sri Dato' Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, sebagai tanda fasa pembinaan struktur berkenaan sudah selesai.

Idaman Cahaya 2 merupakan fasa kedua bagi projek Idaman Cahaya. MGB sebelum ini telah menyempurnakan roof topping bagi Idaman Cahaya 1 pada Disember 2024. Idaman Cahaya 2 terdiri daripada 872 unit , keseluruhan projek Idaman Cahaya merangkumi tiga fasa , dengan unit keseluruhan 1,853 unit.

Bagi meningkatkan kecekapan dan mempercepatkan tempoh penyiapan harta tanah, MGB melalui penggunaan panel konkrit pratuang IBS, telah berjaya membantu syarikat mengurangkan tempoh pembinaan sehingga 33% dan pergantungan kepada tenaga kerja manual sehingga 31%. Setakat ini , kilang IBS MGB di Nilai dan loji mudah alihnya di Alam Perdana mampu menghasilkan panel konkrit pratuang IBS untuk membina sebanyak 6,000 unit harta tanah setiap tahun.

Setakat ini, MGB telah menyiapkan lebih daripada 12,000 unit harta tanah menggunakan panel konkrit pratuang IBS, manakala 3,000 unit masih dalam proses pembinaan.

Tan Sri Dato' Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San ketika berucap berkata: “ Proses pembinaan Idaman Cahaya amat memberangsangkan. Kami dapat menyempurnakan roof topping Idaman Cahaya 2 dalam tempoh tiga bulan selepas roof topping Idaman Cahaya 1.

Kami berharap untuk menyerahkan kediaman yang telah siap kepada pemilik rumah yang menanti dengan penuh keterujaan. Dengan setiap projek Rumah Idaman MBI yang siap, bermaksud lebih ramai rakyat Malaysia dapat menikmati kediaman berkualiti di lokasi strategik di seluruh Lembah Klang.”

- Tamat-